

## Program rekalibrasi sasar 250,000 PATI

FOTO: BERNAMA

**PUTRAJAYA** - Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen) menasarkannya sehingga 250,000 permohonan Program Rekalibrasi Tenaga Kerja dan Program Rekalibrasi Pulang.

Ketua Pengarahnya, Datuk Khairul Dzaimie Daud berkata, sejak dilancarkan 16 November lalu, pihaknya telah menerima 478 permohonan daripada majikan untuk program Rekalibrasi Tenaga Kerja melibatkan 1,980 pendatang asing tanpa izin (PATI).

“Kita sasarkan 200,000 hingga 250,000 permohonan sehingga kedua-dua program ini tamat 30 Jun depan,” katanya pada sidang akhbar semalam.

Sementara itu, Khairul Dzaimie memaklumkan bahawa bermula 2 Disember 2020, semua permohonan tidak perlu lagi dihantar melalui e-mel sebaliknya hanya perlu dibuat melalui portal [www.imi.gov.my](http://www.imi.gov.my).

Untuk kos bayaran program tersebut, beliau berkata, ia memerlukan wang cagaran sebanyak RM500 dan fi rekalibrasi sebanyak



**Khairul Dzaimie memberi penerangan mengenai Program Rekalibrasi Tenaga Kerja pada sidang akhbar di Putrajaya semalam.**

RM1,500 seorang.

“Sementara itu, levi yang dikenakan untuk sektor perkilangan dan pembinaan ialah RM1,850 dan bagi sektor perladangan dan pertanian ialah RM640.

“Kos bayaran di bawah program ini juga akan melibatkan pembayaran pas RM60, proses RM125 dan pembayaran visa mengikut warganegara,” katanya.

Pada masa sama, Khairul Dzaimie memaklumkan bahawa imigresen bersama Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia (JTKSM) telah mengadakan perjumpaan bersama kesemua 15 kedu-

taan negara yang warganegaraanya terlibat dalam program tersebut.

“Dalam perjumpaan tersebut, mereka telah menyatakan sokongan dan berterima kasih kepada kerajaan Malaysia atas pelaksanaan program tersebut,” katanya.

Program Rekalibrasi Pulang membenarkan PATI pulang ke negara asal secara sukarela tertakluk kepada syarat-syarat ditetapkan.

Program Rekalibrasi Tenaga Kerja pula khas untuk membolehkan pekerja asing sedia ada di negara ini diambil bekerja secara sah.